

**MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN  
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
BILANGAN 3 TAHUN 2024**

---

**Tarikh : 22 November 2024 (Jumaat)**

**Masa : 9.30 pagi – 11.15 pagi**

**Tempat : Bilik Mesyuarat Perdana, Aras 7  
Jabatan Wilayah Persekutuan**

**Pengerusi : YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim  
Ketua Pengarah  
Jabatan Wilayah Persekutuan**

**Kehadiran : Seperti di Lampiran A1**

**1. PERUTUSAN YBHG. DATO' INDERA PENGGERUSI**

- 1.1 YBhg. Dato' Indera Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam serta mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat pada hari ini.
- 1.2 Mesyuarat mengalu-alukan kehadiran dua (2) orang wakil baharu Pihak Pengurusan iaitu Encik Mohamed bin Abdul Rahman, Pengarah Bahagian Pengurusan Pembangunan (BPP) dan Encik Noor Azman bin Muhammad Noor, Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDPS) ke Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP).
- 1.3 Mesyuarat turut merakamkan ucapan terima kasih kepada mantan ahli MBJ JWP iaitu Encik Nor Shah bin Mohamed dan YBhg. Datuk Nor Muhamad bin Che Dan @ Che Din yang telah bertukar ke Kementerian Dalam Negeri berkuat kuasa pada 28 Oktober 2024.
- 1.4 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Mesyuarat MBJ JWP pada kali ini merupakan sesi terakhir bagi Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP Sesi 2023/2024. YBhg. Dato' Indera Pengerusi mengucapkan tahniah serta merakamkan ucapan penghargaan kepada Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP atas khidmat cemerlang, dedikasi serta komitmen yang telah ditunjukkan.
- 1.5 Mesyuarat mengambil maklum bahawa Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) telah menganjurkan program Hari Digital JWP Tahun 2024 pada 16 Oktober 2024 yang mana salah satu tajuk dalam program tersebut adalah berkaitan dengan penggunaan teknologi *Artificial Intelligence* (AI) sebagaimana yang telah dicadangkan dalam usul MBJ sebelum ini. Diharapkan dengan pelaksanaan program yang telah dicadangkan dapat

memberi manfaat serta pengalaman baharu berkaitan AI dalam kalangan warga JWP.

- 1.6 Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa pada 3 Oktober 2024 yang lalu juga telah berlangsung majlis penyampaian Anugerah Pekerja Contoh Jabatan (APCJ) yang mana ianya juga merupakan salah satu usul yang telah dicadangkan melalui platform MBJ JWP. Dalam APCJ Bilangan 1/2024 tersebut, seramai sepuluh (10) orang pegawai telah dipilih sebagai penerima APCJ. YBhg. Dato' Indera Pengerusi berharap dengan pengiktirafan tersebut akan menjadi pembakar semangat serta meningkatkan lagi motivasi untuk menjadi seorang pegawai yang komited, berdedikasi dan cemerlang di JWP.
- 1.7 Mesyuarat mengambil maklum bahawa Mesyuarat *Pre-Council* MBJ JWP Bilangan 3 Tahun 2024 telah diadakan pada 22 Oktober 2024. Wakil Pihak Pekerja telah membawa sebanyak **13 usul** dan **11 usul** telah pun dipersetujui untuk diselesaikan secara pentadbiran seperti di **Lampiran A2**.
- 1.8 YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa terdapat **dua (2) usul baharu** yang dibincangkan dalam mesyuarat kali ini mengikut kategori seperti berikut:

KATEGORI USUL	BILANGAN USUL
Inovasi dan Produktiviti	1
Pentadbiran	1

- 1.9 Seterusnya, YBhg. Dato' Indera Pengerusi turut memaklumkan beberapa perkara seperti berikut:

#### **A. KAJIAN INDEKS KETERLIBATAN PENJAWAT AWAM (IKPA) TAHUN 2024**

- i. Mesyuarat dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang melaksanakan Kajian Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia (Perkhidmatan Awam) (IKPM-PA) tahun 2024. Kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap kesejahteraan psikologi pegawai awam berdasarkan (5) dimensi iaitu emosi positif, emosi negatif, kepuasan hidup, kesejahteraan sosial dan kefungsian psikologi.
- ii. Pengenapastian indeks kesejahteraan psikologi pada peringkat awal membolehkan setiap organisasi melaksanakan tindakan intervensi

yang bersesuaian dengan keperluan pegawai di agensi masing-masing.

- iii. Mesyuarat mengambil maklum bahawa kajian ini adalah **diwajibkan** kepada semua penjawat awam pelbagai gred. Sehubungan itu, Wakil Pihak Pekerja adalah dimohon untuk mewar-warkan perkara ini kepada semua pegawai pada gred yang diwakili supaya menjawab soal selidik tersebut.
- iv. YBhg. Dato' Indera Pengerusi turut menekankan tentang kepentingan mengamalkan konsep *work-life balance* iaitu mencapai keseimbangan antara bekerja dan menikmati kehidupan.
- v. Apabila seseorang individu itu berjaya menguruskan masa dan tenaganya untuk memenuhi komitmen profesional dan dalam masa yang sama mengutamakan penjagaan diri serta kesejahteraan kehidupan peribadi, ianya dapat membentuk kestabilan emosi seterusnya dapat mencegah pelbagai masalah seperti penyakit diabetes, penyakit jantung, *burnout*, kelesuan dan kemurungan.
- vi. Dalam erti kata lain, mengekalkan keseimbangan dalam pekerjaan dan kehidupan bukan sahaja penting untuk kesihatan dan perhubungan, ianya juga boleh meningkatkan produktiviti, daya tumpuan dan prestasi kerja.

#### **MAKLUMAN**

#### **B. ASPIRASI H.E.M.A.T.: MEREALISASI ASPIRASI PERKHIDMATAN BERPRESTASI TINGGI**

- i. YBhg. Dato' Indera Pengerusi seterusnya memaklumkan tentang nilai H.E.M.A.T yang merupakan gagasan bagi memperkuuh Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam sebagaimana saranan YAB Perdana Menteri dan Ketua Setiausaha Negara (KSN).
- ii. Mesyuarat dimaklumkan bahawa penjawat awam kini boleh menyertai **Kursus Terbuka Dalam Talian H.E.M.A.T.** yang merangkumi sinopsis Modul Latihan Pembudayaan H.E.M.A.T. yang boleh diakses melalui laman sesawang rasmi e-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) secara *Massive Open Online Courses* (MOOC), yang dapat memperkuuhkan penerapan nilai-nilai H.E.M.A.T dalam kalangan pegawai awam menerusi pembelajaran yang lebih fleksibel, menyeluruh dan sesuai dengan era digital masa kini.

#### **MAKLUMAN**

**C. PENETAPAN MARKAH MINIMUM KESELURUHAN BAGI URUSAN PEMANGKUAN DAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM**

- i. Mesyuarat dimaklumkan bahawa selaras dengan pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024, JPA melalui Surat Edaran bertarikh 8 November 2024 telah memaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju supaya penetapan wajaran markah minimum keseluruhan bagi urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat ditingkatkan daripada **80%** kepada **85%** bagi tiga (3) tahun terakhir berdasarkan wajaran yang telah ditetapkan dalam MyPPSM Ceraian U.P.3.1.1: Pengurusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam dengan markah prestasi pada tahun terakhir hendaklah mencapai sekurang-kurangnya markah 85%.
- ii. Perkara ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan perkhidmatan awam dalam meningkatkan daya saing negara. Justeru semua pegawai adalah dimohon untuk mengambil perhatian berhubung perkara ini.

**MAKLUMAN**

**D. PELAKSANAAN PENILAIAN PRESTASI BAGI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL SERTA KUMPULAN PELAKSANA MELALUI HRMIS TAHUN 2024 DI JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

- i. Mesyuarat mengambil maklum bahawa JPA melalui Surat Edaran bertarikh 19 Januari 2024 telah melanjutkan tempoh familiarisasi sistem *MyPerformance* selaras dengan Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam.
- ii. Dalam hubungan ini, pengurusan prestasi Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana masih menggunakan pakai Modul Pengurusan Prestasi – LNPT HRMIS dan Modul Pengurusan Prestasi –*MyPerformance* HRMIS bagi tahun penilaian 2024 secara serentak (*dual system*) sebelum pelaksanaan sepenuhnya *MyPerformance* mulai 1 Januari 2025.
- iii. Sehubungan itu, semua ahli mesyuarat adalah dimohon untuk memastikan semua pegawai di bawah seliaan masing-masing untuk melaksanakan pengisian dan penilaian dalam sistem *MyPerformance* yang merangkumi instrumen **Sasaran Kerja Utama (SKU), Kompetensi, Tingkah Laku, Penglibatan dan**

**Sumbangan, Nilai Sepunya serta Kompetensi Fungsian**  
mengikut tarikh-tarikh seperti berikut:

<b>PENILAIAN LNPT DAN NILAI SEPUNYA</b>			
<b>BIL</b>	<b>PEGAWAI</b>	<b>PERKARA</b>	<b>TARIKH</b>
a.	Pegawai Yang Dinilai (PYD)	Penilaian Sepunya	1 - 15 Januari 2025
b.	Pegawai Penilai Pertama (PPP)	Penilaian LNPT 2024	1 - 15 Januari 2025
		Penilaian Sepunya	1 - 15 Januari 2025
c.	Pegawai Penilai Kedua (PPK)	Penilaian LNPT 2024	16 - 31 Januari 2025

#### **MAKLUMAN**

#### **2. UCAPAN BALAS PENGERUSI WAKIL PIHAK PEKERJA MBJ JWP**

- 2.1 Pengerusi Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Dato' Indera Pengerusi, Pengurusan Tertinggi JWP dan semua ahli mesyuarat atas kehadiran pada mesyuarat kali ini yang mana merupakan mesyuarat MBJ kali terakhir bagi Wakil Pihak Pekerja MBJ Sesi 2023/2024.
- 2.2 Pengerusi Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP memaklumkan bahawa pelantikan sebagai Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP memberi banyak pengalaman berharga terutamanya melalui sesi libat urus bersama pihak pekerja dan juga pihak pengurusan.
- 2.3 Mesyuarat seterusnya mengambil maklum bahawa kejayaan sesebuah organisasi terletak pada hubungan yang baik antara pekerja dan majikan. Sebagai pekerja, perlu memberi komitmen yang sepenuhnya terhadap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Manakala pihak majikan pula, berperanan menyediakan persekitaran kerja yang selamat, adil, dan memberi peluang kepada pekerja untuk berkembang. Justeru, kolaborasi yang erat antara kedua-dua pihak adalah kunci kepada kejayaan dan kemajuan sesebuah organisasi.

- 2.4 Pengerusi Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP juga berharap supaya Pihak Pengurusan dan Pihak Pekerja dapat bersatu dalam menyelesaikan isu dan permasalahan pihak pekerja demi membolehkan keluarga besar JWP bergerak ke arah mencapai objektif dan matlamat organisasi secara bersepada dan bersama. Keseimbangan di antara memenuhi KPI MBJ dan juga menguruskan usul yang diberikan perlulah dicapai. Sesuatu usul yang dicadangkan adalah penting kepada gred berkaitan sehingga perkara tersebut dibawa untuk dibincangkan di pelbagai peringkat dan dikaji sebelum sampai ke MBJ ini.
- 2.5 Pengerusi Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP juga menzahirkan penghargaan atas keharmonian perbincangan di antara Pihak Pekerja dan Pihak Pengurusan. Segala usul yang diutarakan juga disantuni dengan baik dan diperhalusi secara tuntas. Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP berharap supaya prestasi ini dapat dikekalkan malah ditambahbaik daripada semasa ke semasa bersama barisan Wakil Pihak Pekerja MBJ akan datang supaya JWP menjadi sebuah entiti yang sangat kondusif untuk pekerja melaksanakan tugas.

#### **MAKLUMAN**

### **3. PENGESAHAN MINIT MESUARAT MBJ JWP BIL. 2/2024**

Minit Mesuarat MBJ JWP Bil. 2/2024 pada 31 Julai 2024 telah disahkan tanpa sebarang pindaan.

### **4. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

#### **4.1 Senaman Pagi Warga JWP**

- 4.1.1 Mesuarat dimaklumkan bahawa pihak SPK, BKP telah merujuk kepada Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 19 Ogos 2024 dan dimaklumkan bahawa pihak KKM mengambil maklum kepada permohonan JWP dan akan mempercepatkan penyediaan audio X-Break yang terkini.

#### **MAKLUMAN**

#### **4.2 Pelantikan Operator Baharu Kafe JWP**

- 4.2.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa kontrak operator kafeteria sedia ada akan tamat pada bulan Disember 2024 dan KESWIP dalam perancangan untuk melantik semula operator semasa / baharu selepas tamat kontrak tersebut.
- 4.2.2 Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa KESWIP mengambil maklum akan perkara berkaitan cadangan penambahan terma baharu dalam kontrak seperti kebersihan premis, kepelbagai menu, tidak boleh menutup premis untuk mengambil tempahan katering akan dimasukkan dalam kontrak baharu operator kafeteria nanti.
- 4.2.3 Mesyuarat mengambil maklum pihak KESWIP juga telah melaksanakan soal selidik ringkas berkenaan perkhidmatan kafeteria dan kiosk di Jabatan Wilayah Persekutuan pada 21 hingga 30 Ogos 2024. Sejumlah 81 responden telah menyertai soal selidik ini dan lebih 90% responden berpuas hati dengan perkhidmatan kafeteria sedia ada di JWP selain turut bersetuju untuk mengekalkan operator sedia ada.

**MAKLUMAN**

#### **4.3 Kursus *Practical AI Essential For Professional: AI Application for Operation and Learning***

- 4.3.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa BPM telah mengadakan Hari Digital Jabatan Wilayah Persekutuan 2024 pada 16 Oktober 2024 di Dewan Serbaguna JWP. Antara pengisian program tersebut adalah berkaitan penggunaan teknologi *Artificial Intelligence* (AI).

**MAKLUMAN**

#### **4.4 Mohon KESWIP Untuk Memberi Kad/ Hadiah/ Baucar Kopi Sempena Hari Lahir**

- 4.4.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa KESWIP telah melaksanakan tindakan dengan menguar-uarkan sambutan hari lahir warga JWP melalui hebahan e-mel warga JWP bermula pada bulan Ogos 2024 bagi warga yang lahir pada bulan Ogos 2024.

**MAKLUMAN**

#### **4.5 Laporan Pegawai Bertugas Harian Bahagian Menggunakan Google Form**

- 4.5.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa memo Permohonan Pembangunan Sistem Pelaporan Pegawai Bertugas Harian di JWP telahpun dikemukakan oleh SPK, BKP kepada BPM pada 17 September 2024.
- 4.5.2 Mesyuarat mengambil maklum yang BPM akan memasukkan perancangan bagi pembangunan sistem ini pada tahun 2026 dalam Pelan Strategik Pendigitalan Jabatan Wilayah Persekutuan 2025-2026 memandangkan penyusunan pelan pembangunan sistem telah diaturkan dan terdapat tujuh (7) sistem yang telah dikenalpasti mengikut keutamaan untuk dibangunkan secara *inhouse* pada tahun 2025.
- 4.5.3 Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa SPK, BKP telah mula menggunakan *Google Form* sebagai medium pelaporan pegawai bertugas harian mulai 1 November 2024 dan borang tersebut akan dicetak dan ditandatangani seperti biasa oleh pegawai bertugas.
- 4.5.4 Mesyuarat mengambil maklum bahawa audit keselamatan CGSO akan dilaksanakan di Kementerian dan bukan di agensi. Dalam hal ini, audit keselamatan CGSO akan dilaksanakan di Jabatan Perdana Menteri.

#### **MAKLUMAN**

#### **4.6 Reward System Untuk Pekerja Contoh Jabatan**

- 4.6.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa bagi permohonan kursus ke luar negara, ia terbuka kepada semua warga JWP. Namun, kelulusan untuk menghadiri adalah tertakluk kepada peruntukan sedia ada dan kelulusan Ketua Pengarah.
- 4.6.2 Mesyuarat turut dimaklumkan bagi kursus dalam negara, penerima anugerah pekerja contoh boleh memohon untuk menghadiri kursus selain daripada yang dianjurkan oleh JWP, tertakluk kepada peruntukan sedia ada.

#### **MAKLUMAN**

## **5. USUL BAHARU MESUARAT MBJ JWP BIL. 3/2024**

### **5.1 Mengkaji Semula Masa Untuk Sesi X-Break/ Senaman Ringan Pada Waktu Yang Lebih Sesuai**

- 5.1.1 Mesyuarat mencadangkan supaya masa untuk sesi *X-Break* / senaman ringan dikaji semula pada waktu yang lebih sesuai contohnya pada waktu rehat dan menyemak kembali keperluan untuk memainkan audio senaman tersebut pada setiap hari atau sebaliknya.
- 5.1.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa berdasarkan **Surat Edaran Garis Panduan Gaya Hidup Aktif Penjawat Awam Melalui Inisiatif X-Break dan Pembudayaan Sukan** bertarikh 30 September 2024, waktu pelaksanaan *X-Break* yang dicadangkan adalah selama 15 minit sebelah pagi/ petang atau lima (5) minit setiap sesi bagi selang/ setiap masa dua (2) jam sewaktu Program/ Aktiviti Berstruktur/ Berjadual dijalankan dalam waktu bekerja.
- 5.1.3 Memandangkan Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih sedang dalam tindakan untuk menyediakan audio *X-Break* yang baru, mesyuarat turut mencadangkan supaya audio senaman *X-Break* JWP dirakam semula dengan menggunakan suara warga JWP bagi mewujudkan audio senaman *X-Break* yang lebih bervariasi dan sekiranya terdapat audio *X-Break* yang menarik di *platform Youtube* juga boleh dikongsikan dengan SPK, BKP.
- 5.1.4 Mesyuarat **ersetuju** supaya SPK, BKP bekerjasama dengan KESWIP berhubung penghasilan audio *X-Break* JWP.

**TINDAKAN : SPK, BKP**

### **5.2 Menyediakan Capaian Maklumat-Maklumat Berkaitan MBJ di Laman Web Rasmi JWP**

- 5.2.1 Mesyuarat mengambil maklum berkenaan cadangan untuk memberi akses kepada Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP untuk mengemaskini maklumat berkaitan MBJ seperti Perlembagaan MBJ, Carta Organisasi, aktiviti MBJ, borang usul, minit mesyuarat dan sebagainya di laman web JWP.
- 5.2.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Bahagian Komunikasi Korporat (BKK). Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP boleh berbincang dengan BKK berkenaan

- keperluan kandungan MBJ dalam laman web JWP dan boleh juga berbincang dengan BPM sekiranya perlu kepada bantuan berbentuk teknikal.
- 5.2.3 Mesyuarat **bersetuju** supaya Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP berhubung dengan BKK dan BPM berhubung usul ini.

**TINDAKAN :** WPP MBJ JWP

## **6. HAL-HAL LAIN**

### **6.1 Logo MBJ JWP**

- 6.1.1 Mesyuarat mengambil maklum berkenaan cadangan logo rasmi MBJ JWP seperti di **Lampiran A3** dengan sedikit penambahbaikan pada lambang bintang dan bunga padi.

**TINDAKAN :** WPP MBJ JWP

### **6.2 Pelantikan Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP Sesi 2025/ 2026**

- 6.2.1 Mesyuarat mengambil maklum berkenaan pelantikan Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP sesi baharu di mana Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP Sesi 2023/ 2024 akan menguruskan sesi pemilihan calon.
- 6.2.2 Mesyuarat **bersetuju** supaya Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP mengemukakan kepada urus setia MBJ JWP terlebih dahulu senarai nama pegawai yang akan dicalonkan bagi tujuan tapisan keutuhan dan tata tertib.

**TINDAKAN :** WPP MBJ JWP

## **7. PENANGGUHAN MESYUARAT**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.15 pagi dengan ucapan terima kasih daripada YBhg. Dato' Indera Penggerusi.

**MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN  
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
BILANGAN 3 TAHUN 2024**

Disediakan oleh:

  
**(NOORAZLINA BINTI MOHD NOOR)**  
Setiausaha Pihak Pegawai  
Tarikh: 2 / 12 / 2024


Dipersetujui oleh:

  
**(SHAH RIZAN BIN AB RAZAK)**  
Setiausaha Pihak Pekerja  
Tarikh: 2 / 12 / 2024

Disemak oleh:

  
**(SUZANA BINTI ALIAS)**  
Pengarah  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Tarikh: 3 / 12 / 2024

Diluluskan oleh:

  
.....  
**(DATU' INDERA NORIDAH BINTI ABDUL RAHIM)**  
**PENGERUSI PIHAK PEGAWAI**  
**MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN**  
**JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Tarikh: 5 / 12 / 2024

**HADIR (WAKIL PIHAK PEGAWAI)**

1. YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim - Pengerusi  
Ketua Pengarah
2. YBhg. Dato' Parang Abai @ Thomas  
Timbalan Ketua Pengarah  
(Pengurusan dan Sosio Ekonomi)
3. Puan Suzana binti Alias  
Pengarah  
Bahagian Khidmat Pengurusan
4. Encik Mohamed bin Abdul Rahman  
Pengarah  
Bahagian Bahagian Pengurusan Pembangunan
5. Encik Noor Azman bin Muhammad Noor  
Pengarah  
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
6. Encik Mohd Sharif bin Mohamad Yaakob  
Pengarah  
Bahagian Sosio Ekonomi
7. Encik Wan Ashbi @ W Maheran bin Leman  
Pengarah  
Bahagian Perbandaran dan Khidmat Teknikal
8. Puan Nik Zarina binti Nik Mat  
Pengarah  
Bahagian Pengurusan Maklumat
9. Puan Insyariza binti Ibrahim  
Penasihat Undang-Undang  
Pejabat Penasihat Undang-Undang
10. Encik Rizalman bin Shahbranda  
Ketua Integriti  
Unit Integriti

## **HADIR (WAKIL PIHAK PEKERJA)**

11. Encik Mohamad Haikal bin Mohd Ibdil Hajat  
Wakil Pekerja Gred 48 Merangkap Pengurus Wakil Pekerja  
Bahagian Pengurusan Pembangunan
12. Encik Nazawandi bin Nazarudin  
Wakil Pekerja Gred 48  
Bahagian Perbandaran dan Khidmat Teknikal
13. Encik Wahyun Anwar bin Abd Rahman  
Wakil Pekerja Gred 44  
Bahagian Pengurusan Pembangunan
14. Encik Shah Rizan bin Ab Razak  
Wakil Pekerja Gred 44  
Bahagian Perbandaran dan Khidmat Teknikal
15. Puan Nurul Adilla binti Abd Rahim  
Wakil Pekerja Gred 41  
Bahagian Sosio Ekonomi
16. Encik Muhammad Firdaus bin Mohamad Yassim  
Wakil Pekerja Gred 29-40  
Bahagian Kewangan
17. Encik Sirajuddin bin Salahudin  
Wakil Pekerja Gred 29-40  
Bahagian Khidmat Pengurusan
18. Puan Afza Liza binti Ahmad Suhaimi  
Wakil Pekerja Gred 22-28  
Unit Integriti
19. Puan Suraya binti Aripin  
Wakil Pekerja Gred 22-28  
Bahagian Kewangan
20. Puan Norsyafinaz binti Md. Salleh  
Wakil Pekerja Gred 19  
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
21. Cik Linda Tey Siaw Wei  
Wakil Pekerja Gred 19  
Bahagian Khidmat Pengurusan

22. Encik Mohd Rizzwan bin Mohmad  
Wakil Pekerja Gred N11-14  
Pejabat Ketua Pengarah JWP

**TURUT HADIR**

23. Puan Wan Noraizon binti Wan Ismail  
Timbalan Pengarah  
Seksyen Pentadbiran dan Keurusetiaan  
Bahagian Khidmat Pengurusan

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

24. YBhg. Datuk Ramlee bin Yatim  
Timbalan Ketua Pengarah  
(Perancangan dan Pembangunan)
25. Puan Suzliyana Hanan binti Zanudin  
Pengarah  
Bahagian Kewangan
26. Puan Mazurah binti Ismail  
Pengarah  
Bahagian Komunikasi Korporat
27. Encik Mohd Hasrizal bin Hashim  
Wakil Pekerja Gred H11-14  
Bahagian Khidmat Pengurusan

**URUS SETIA**

28. Encik Saiful Yusnor bin Mohd Yusuf  
Timbalan Pengarah  
Seksyen Pengurusan Sumber Manusia  
Bahagian Khidmat Pengurusan
29. Puan Faizatul Rahayu binti Zakaria  
Ketua Penolong Pengarah  
Seksyen Pengurusan Sumber Manusia  
Bahagian Khidmat Pengurusan
30. Puan Noorazlina binti Mohd Noor  
Penolong Pengarah  
Seksyen Pengurusan Sumber Manusia  
Bahagian Khidmat Pengurusan

31. Cik Nor Amira binti Abu Bakar  
Penolong Pegawai Tadbir  
Seksyen Pengurusan Sumber Manusia  
Bahagian Khidmat Pengurusan
  
32. Encik Syahrul Rizal bin Othman  
Pembantu Tadbir Kanan (Perkeranian/Operasi)  
Seksyen Pengurusan Sumber Manusia  
Bahagian Khidmat Pengurusan
  
33. Cik Wan Rohaida binti Wan Zakaria  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)  
Seksyen Pengurusan Sumber Manusia  
Bahagian Khidmat Pengurusan

